



28 DEC, 2020

## 'Permintaan Musang King tak terjejas'

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

# 'Permintaan Musang King tak terjejas'

**Melaka:** Isu pekebun durian di Raub, Pahang tidak akan menjejaskan pengeluaran dan penghasilan raja buah itu, terutama jenis Musang King bagi pasaran dan eksport ke luar negara, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Beliau berkata, ia berikutan ada beberapa ladang lain di negara ini menanam durian Musang King dan mampu menampung permintaan terhadap buah yang mendapat sambutan hebat, termasuk yang diproses dan sejuk beku.

Katanya, paling penting setiap pekebun durian perlu mengikut prosedur dengan berdaftar dan lulus audit fasiliti serta ladang, selain perlu memperoleh Sijil Amalan Pengilangan Baik (GMP) bagi memastikan durian dihasilkan berkualiti dan bermutu tinggi.

"Syarat lain, iaitu pokok durian ditanam adalah di atas tanah pemilikan sendiri atau disewa pa-



**Ahmad melihat produk keluaran** usahawan selepas melancarkan Kempen Promosi Perniagaan Kecil Tempatan Negeri Melaka, di Bandar Hilir, semalam.  
(Foto BERNAMA)

jak serta disahkan perjanjian terabait, manakala bagi tanah yang diterokai tidak layak," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Kempen Promosi Perni-

agaan Kecil Tempatan Negeri Melaka di sini, semalam.

Pada 23 Disember lalu, Mahkamah Tinggi Kuantan menolak permohonan 204 pekebun durian

Musang King di Raub untuk mendapatkan kebenaran semakan kehakiman terhadap notis arahan pengosongan tanah yang dikeluarkan kerajaan Pahang.

Permohonan itu dibuat selepas kerajaan negeri Pahang mula mengambil tindakan terhadap pekebun yang didakwa mengusahakan kebun durian secara haram di sekitar Raub pada awal Ogos sehingga menyebabkan kerugian kepada kerajaan negeri, selain isu pencemaran air.

Sementara itu, menurut Ahmad seramai 44 usahawan mengambil bahagian dalam program Kempen Promosi Perniagaan Kecil Tempatan Negeri Melaka yang diadakan dengan usaha sama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan pusat beli-belah Mahkota Parade.

"Program ini bertujuan membantu usahawan memulihkan ekonomi mereka yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19," katanya. BERNAMA



28 DEC, 2020

## 'Permintaan Musang King tak terjejas'

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Melaka: Isu pekebun durian di Raub, Pahang tidak akan menjejaskan pengeluaran dan penghasilan raja buah itu, terutama jenis Musang King bagi pasaran dan eksport ke luar negara, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah. Beliau berkata, ia berikutan ada beberapa ladang lain di negara ini menanam durian Musang King dan mampu menampung permintaan terhadap buah yang mendapat sambutan hebat, termasuk yang diproses dan sejuk beku.